Cawangan Terengganu



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

قرة وستاكان چندكياون

"SUARA ILMU ASPIRASI CENDEKIAWAN"

JANUARI 2026

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

VISI, MISI, MOTO, FALSAFAH & OBJEKTIF

VISI

Universiti unggul pemacu Bumiputera Profesional

MISI

Melonjak keilmuan, adab dan kepakaran bumiputera agar berjiwa usahawan melalui kurikulum termaju, pembangunan bakat, penyelidikan berimpak, dan sinergi industri ke arah kemakmuran tanah air serta kesejahteraan sejagat

MOTO

Usaha, Takwa, Mulia

FALSAFAH

Kita percaya Allah SWT menganugerahi manusia dengan bakat, minat dan kecenderungan yang sekiranya diasuh, dididik dan dilatih dengan sempurna melalui penjanaan, pemindahan dan pengintegrasian ilmu secara terbuka serta penerapan nilai-nilai Islam, mereka berkemampuan menjuarai transformasi diri, masyarakat dan negara

OBJEKTIF

1. **Memperluas akses pendidikan tinggi**
2. **Menyediakan pendidikan terkehadapan bertaraf dunia**
3. **Menawarkan program akademik yang memenuhi keperluan industri yang sentiasa berubah untuk kemajuan negara dan kemakmuran global**
4. **Menggilap kepimpinan graduan holistik, serba boleh dan berciri keusahawanan yang kompetitif sehingga ke peringkat global**
5. **Memperkasa penghayatan falsafah dan nilai warga UiTM melalui program pengukuhan insan dan suri teladan**
6. **Mengungguli kesarjanaan ilmu terkehadapan melalui penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan berimpak tinggi serta lestari**
7. **Melebar luas jaringan melalui sinergi bersama alumni, industri, akademia, komuniti dan kerajaan untuk memperkasakan bidang tumpuan strategik universiti**
8. **Menjuarai kecemerlangan organisasi melalui tadbir urus yang efektif dan efisien selari dengan agenda kelestarian global**
9. **Menyediakan infrastruktur kondusif dan ekosistem digital terkehadapan**
10. **Menjana pendapatan, mengurus sumber dan kewangan dengan cekap, telus, berintegriti dan efektif bagi kelestarian organisasi**

Kelulusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti (LPU) ke-208, bertarikh 23 September 2025

(YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Shahrin Sahib @ Sahibuddin, FASc)
13 November 2025 | 1447 جمادي الأول 22

Lestari Ilmu, Berjiwa Rakyat

ALUAN KETUA PERPUSTAKAAN CAWANGAN

Bismillahirrahmanirrahim
Assalamualaikum .

Perpustakaan Cendekiawan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu komited dalam menyediakan pelbagai medium bacaan bagi sebarang aktiviti pembudayaan ilmu buat semua pengguna. Melalui revolusi teknologi semasa, penerimaan terhadap bahan bacaan juga harus sejajar dengan minat dan kecenderungan generasi masa kini tidak hanya memfokuskan kepada bahan bacaan bercetak bahkan turut memperkembangkan dan memperluaskan penyediaan terhadap bahan bacaan secara digital.

Semoga edisi Buletin IQRA Perpustakan Cendekiawan kali ini bermanfaat buat semua.

Terima kasih.



SHAHROL NIZAM BIN JOHOL

BULETIN IQRA
Perpustakaan Cendekiawan

SIDANG REDAKSI

Penasihat : Puan Shahidatul Akhmam binti Rambeli


Grafik & Isi Kandungan:
- Cik Asmahani Abdullah
- En. Mohd Shahnizam Mat Zain
- Cik Nurmaisari Che Anuar
- En. Ahmad Fathi Azhari

Terbitan:
Perpustakaan Cendekiawan
UiTM Cawangan Terengganu,
23000 Dungun,
Terengganu.
No. Tel: 098400188/190

Hakcipta Terpelihara ©2026
eISSN: 2735-1920

Sebarang pertanyaan/komen/aduan boleh hubungi:
PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN TERENGGANU
JALAN SURA HUJUNG
23000 DUNGUN
TERENGGANU

NO. TEL: 098400 190
EMEL: korporatpuitmct@uitm.edu.my
eISSN: 2773-6407



Perpustakaan Cendekiawan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu menjadikan koleksi penerbitan Buletin Iqra sebagai sebuah penerbitan yang mengumpulkan kesemua aktiviti, buletin, dan peristiwa yang telah berlangsung sepanjang tahun demi memastikan khazanah maklumat Perpustakaan Cendekiawan ini kekal terpelihara. Penerbitan ini berfungsi sebagai bahan arkib perpustakaan yang mendokumentasikan pelbagai program ilmiah, bengkel literasi maklumat, serta pencapaian warga kampus, sekaligus menjadikannya sumber rujukan utama bagi melihat kembali jejak langkah dan perkembangan perpustakaan dari semasa ke semasa.

Di samping itu, inisiatif pengumpulan ini juga mencerminkan komitmen Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT dalam menyuburkan budaya ilmu selaras dengan semangat "Iqra". Dengan adanya koleksi yang tersusun rapi ini, ia memudahkan para penyelidik, staf, dan pelajar untuk mengakses informasi lampau serta memahami evolusi perkhidmatan yang ditawarkan. Usaha ini secara tidak langsung mengukuhkan lagi peranan perpustakaan bukan sekadar tempat penyimpanan buku, tetapi sebagai hab penyebaran maklumat yang dinamik dan relevan kepada seluruh komuniti UiTM Cawangan Terengganu.

Pesona

Pantai Teluk Lipat, Dungun





BULETIN IQRA
Perpustakaan Cendekiawan

AKTIVITI PERPUSTAKAAN

KAMPUS

DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI

TELA'AH

11 Januari 2026

Resensi Buku Bersama Dr. Ab Wahab Md Ali

Peristiwa Isra dan Mikraj

Oleh : Ahmad Fathi Azhari



Para peserta bergambar sebagai tanda kenang- kenangan bersama Dr. Ab Wahab Md Ali



Penceramah dan Moderator sedang berdiskusi



Team Teknikal yang melibatkan penglibatan pelajar ACIS UiTMCT

Perpustakaan Cendekiawan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu telah menganjurkan program [TELA'AH] Resensi Buku Bersama Dr. Abdul Wahab Md Ali bertemakan Peristiwa Isra' dan Mikraj pada 11 Januari 2026 (Ahad), jam 9.30 pagi. Program ini telah berlangsung di Sudut AZKA @ Library Community Engagement (LCE), Perpustakaan Cendekiawan UiTMCT dengan penyertaan seramai 256 peserta, terdiri daripada peserta dalam talian dan pelajar UiTM Cawangan Terengganu.

Program ilmiah ini bertujuan untuk mengupas secara mendalam peristiwa agung Isra' dan Mikraj, yang merupakan salah satu mukjizat besar Nabi Muhammad SAW serta mempunyai nilai spiritual dan pengajaran yang signifikan kepada umat Islam. Sepanjang sesi berlangsung, para peserta telah didedahkan dengan huraian ilmiah yang menyentuh aspek sejarah, hikmah, serta pengajaran yang boleh diambil daripada peristiwa tersebut dalam kehidupan seharian.

Semoga perkongsian ilmu ini memberi manfaat dan inspirasi kepada semua peserta yang terlibat.

SCAN ME

FORUM

20 Januari 2026

Powering Your Career- From Campus To Industry

Sempena FKE Open Day & 5th Electrical Engineering Innovation Competition & Exhibition(EEICE) 2026

Oleh : Ahmad Fathi Azhari



Ir. Ahmad Nazari bin Ashari sedang menyampaikan maklumat berkenaan tips semasa menjalani latihan industri



Sesi Q&A bersama pelajar yang hadir



Para peserta begitu fokus mendengar maklumat yang disampaikan oleh penceramah

Dungun, 20 Januari 2026 – Perpustakaan Cendekiawan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu Kampus Dungun telah menganjurkan forum **Powering Your Career – From Campus to Industry** di Sudut AZKA @ Library Community Engagement (LCE), melibatkan seramai 93 pelajar Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Program ini diadakan bersempena **FKE Open Day dan 5th Electrical Engineering Innovation Competition & Exhibition (EEICE) 2026**.

Forum ini menampilkan barisan penceramah berpengalaman iaitu Ir. Ahmad Nazari bin Ashari daripada MECIP Sdn. Bhd., Ir. Mohd Rahmat bin Mat Tahir daripada PETRONAS, Ir. Ts. Mohd Mahazan bin Soh dari Tenaga Nasional Berhad, serta Dr. Mohd Zamri bin Jusoh, Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Elektrik UiTM selaku moderator bagi forum ini.

Forum ini bertujuan memberi pendedahan awal kepada mahasiswa mengenai realiti alam pekerjaan serta persediaan memasuki sektor industri. Para pelajar turut didedahkan dengan kepentingan mengimbangi kemahiran teknikal dan insaniah sebagai persediaan menjadi graduan yang kompeten, berdaya saing, dan memenuhi keperluan industri.

SCAN ME

MENYANTUNI

Staf Perpustakaan Cendekiawan UiMCT

25 Januari 2026
Oleh : Ahmad Fathi Azhari



En. Shahrol Nizam Johol, Ketua Perpustakaan Cawangan menyampaikan buah tangan kepada Puan Norshida Yusof Ali



En. Shahrol memberikan beberapa nasihat sebagai pemangkin semangat di masa akan datang

Dungun, 25 Januari 2026 – Warga Perpustakaan Cendekiawan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu Kampus Dungun telah mengunjungi staf Perpustakaan Cendekiawan, Puan Norsyida yusof Ali, Pembantu Pustakawan Kanan di kediamanya.

Lawatan tersebut mencerminkan semangat kebersamaan dan nilai keprihatinan yang diamalkan dalam kalangan warga Perpustakaan Cendekiawan. Selain mengeratkan hubungan silaturahim, kunjungan ini diharapkan dapat memberi semangat dan kekuatan kepada beliau untuk terus tabah menghadapi ujian serta dikurniakan kesihatan yang baik dan dipermudahkan segala urusan

SCAN ME

CADANGAN PEMBELIAN BAHAN MENGGUNAKAN SISTEM PERMATA

22 Januari 2026

Oleh : Ahmad Fathi Azhari



Puan Widawati Ariffin sedang membantu memberikan maklumat kepada Pensyarah



Penyarah tampil untuk mendapatkan maklumat yang lebih tepat



Para pensyarah sedang berbincang untuk membuat pemilihan bahan

DUNGUN, 22 Jan – Fakulti Perakaunan UiTM Cawangan Terengganu (UiTMCT) telah mengadakan sesi perbincangan khas mengenai Cadangan Pembelian Bahan Menggunakan Sistem PERMATA bertempat di Makmal Ibnu Saffar, petang tadi.

Sesi yang melibatkan 10 orang pensyarah fakulti tersebut bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai proses pembelian bahan yang lebih sistematik dan berkesan. Fokus utama perbincangan adalah bagi memastikan setiap perolehan mematuhi prosedur yang ditetapkan, di samping meningkatkan ketelusan dan kecekapan pengurusan melalui sistem digital.

SCAN ME

PROGRAM JELAJAH ILMU
DATARAN KOMPLEKS PLATINUM

8 Januari 2026

Oleh : Norairin Natasya Zulkifli



Cik Norairin melayan pengunjung yang hadir di kaunter perpustakaan



Turut tidak ketinggalan staf daripada pelbagai unit juga memberi sokongan

BUKIT BESI, 8 Jan – Unit Perpustakaan Cendekiawan telah menganjurkan Program Jelajah Ilmu @Dataran Kompleks Platinum sempena program Basic Life Support 3.0 yang dianjurkan oleh Unit Kesihatan, Bahagian Hal Ehwal Pelajar dengan kerjasama Unit Perpustakaan. Sambutan yang diterima daripada para pelajar dan staf amat memberangsangkan serta menunjukkan komitmen warga kampus dalam menyokong budaya ilmu dan pembelajaran sepanjang hayat.



Senarai buku- buku yang disediakan untuk pengunjung

Program ini bertujuan untuk mendekatkan warga kampus dengan bahan bacaan, sumber maklumat serta perkhidmatan perpustakaan. Buku- buku yang bertemakan “First Aid” ini memberi panduan kepada warga kampus untuk mengetahui dan mempelajari kesedaran tentang tindakan awal ketika kecemasan.

Pihak penganjur merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua staf dan pelajar yang telah memberikan sokongan serta kerjasama dalam menjayakan program ini.

SCAN ME

KULIAH DHUHA :
IBRAH PERJALANAN ISRAK DAN MIKRAJ



KUALA TERENGGANU, 15 Januari – Kelab Minda Islam (KMI) dengan kerjasama Unit Hal Ehwal Islam (UHEI) dan Unit Perpustakaan Cendekiawan telah mengadakan Kuliah Dhuha sempena Israk dan Mikraj yang bertajuk Ibrah Perjalanan Israk dan Mikraj bermula 9.30 pagi sehingga 10.30 pagi bertempat di Surau Destini Ar-Raudhah, UiTMCT Kampus Kuala Terengganu. Seramai 288 orang telah menyertai program secara dalam talian serta warga UiTMCT Kampus Kuala Terengganu.

Program ilmu ini memberi fokus kepada penghayatan dan pengupasan ibrah (pengajaran) daripada peristiwa agung Israk dan Mikraj, agar ia tidak sekadar difahami sebagai kisah sejarah, tetapi menjadi pedoman hidup umat Islam. Seterusnya menjadikan pengajaran daripadanya sebagai panduan dalam membina kehidupan yang seimbang dari sudut akidah, ibadah dan akhlak.





Ia juga dapat memperkukuh nilai-nilai murni melalui pelaksanaan program yang berteraskan ilmu dan kerohanian.



SCAN ME



BULETIN IQRA

Perpustakaan Cendekiawan

PERPUSTAKAAN CENDEKIAWAN
DUNGUN | KUALA TERENGGANU | BUKIT BESI